



## KENYATAAN MEDIA

### OPERASI PEROBOHAN TAMBAHAN DI PANGSAPURI PALMA, BANDAR COUNTRY HOMES

Majlis Perbandaran Selayang (MPS) pada 16 Oktober 2024 telah menjalankan Operasi Bersepadu Bagi Tindakan Perobohan di Pangsapuri Palma, Bandar Country Homes (Siri 1). Operasi ini dijalankan susulan aduan yang diterima daripada penduduk berkaitan struktur tambahan yang dibina menghalang laluan awam, tiang lampu dan menutupi longkang sehingga menyebabkan gangguan kepada kemudahan awam dan risiko keselamatan.

Operasi perobohan yang berlangsung dari jam 9.30 pagi hingga 12.00 tengah hari ini melibatkan tambahan struktur di luar unit kediaman yang telah dibina tanpa kebenaran di kawasan awam. Dalam Operasi Perobohan Siri 1 ini, sebanyak 7 unit rumah yang melibatkan pembinaan tambahan telah dirobohkan dari 201 unit kediaman di Pangsapuri Palma yang terlibat dalam isu ini.

Tindakan notis kesalahan dibawah Seksyen 70 (11) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 telah dikeluarkan kepada pemilik-pemilik yang terlibat. Ini termasuk notis meruntuhkan, notis meruntuh dan mengosongkan, notis peringatan terakhir dan notis amaran merah (serta merta). Pihak Badan Pengurusan Bersama (JMB) turut mengeluarkan notis kepada kesemua pemilik struktur yang terlibat. Walau bagaimanapun, hanya 5 pemilik yang telah mengambil tindakan sendiri untuk merobohkan tambahan tersebut.

Operasi telah diketuai oleh Jabatan Bangunan MPS dengan sokongan 67 anggota dari jabatan dalaman MPS serta melibatkan Pejabat Daerah dan Tanah Gombak dan Polis Diraja Malaysia.

Adalah diminta agar semua pemilik rumah dikawasan perumahan strata agar sentiasa mematuhi dan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan untuk mengelakkan tindakan tegas diambil terhadap mereka. MPS komited untuk terus memastikan kepatuhan terhadap undang-undang dan operasi penguatkuasaan akan diteruskan bagi menangani isu-isu berkaitan pembinaan tanpa kebenaran yang menjejaskan kesejahteraan masyarakat.

**#TAMAT#**

**Dikeluarkan oleh :**

Bahagian Perhubungan Awam  
Jabatan Korporat

b.p. **Yang Dipertua**  
Majlis Perbandaran Selayang

**Tarikh dikeluarkan : 17 Oktober 2024**